

PRULink Golden Bond Fund

All data is as of 30 September 2020 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2020年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2020 melainkan jika dinyatakan

Objective / 目标 / Objektif Dana

PRULink Golden Bond Fund aims to provide medium to long term accumulation of capital, taking into account the need to meet guaranteed payouts. This is achieved by investing in selected fixed interest securities, corporate bonds and fixed deposits, and any other financial instruments to be used for hedging the portfolio.

PRULink Golden Bond Fund的目标为在中至长期内累积资金，同时确保有能力支付担保款额。为达致此目标，本基金投资于经过筛选的固定利率证券、企业债券、定期存款，以及作为投资组合套期保值之用的其他金融工具。

PRULink Golden Bond Fund bertujuan menyediakan pengumpulan modal untuk jangka sederhana hingga panjang, dengan mengambil kira keperluan untuk memenuhi agihan pendapatan terjamin. Ini boleh dicapai dengan pelaburan dalam sekuriti faedah tetap, bon korporat dan deposit tetap yang terpilih, dan juga mana-mana instrumen kewangan yang akan digunakan untuk perlindungan nilai portfolio ini.

Fund Details / 基金详情 / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / 投资经理 / Pengurus Pelaburan

Eastspring Investments Berhad
瀚亚投资有限公司

Inception Date / 基金设立日 / Tarikh Diterbitkan

19/11/2007

Current Fund Size / 目前所管理的基金数额 / Saiz Dana Terkini

RM1,804,298,576.90

Annual Fund Management Charge / 常年管理费 / Caj Pengurusan Dana Tahunan

1.00%


Current NAV / 目前的净资产值 / NAB Terkini

RM1.68747

How the Fund has performed / 基金表现 / Prestasi Dana

Performance Graph / 表现图表 / Jaduan Prestasi Dana

PRULink Golden Bond Fund vs Maybank 12 Months Fixed Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / 各期限总价差 / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / 价差 / Pergerakan Harga	-0.46%	1.44%	5.07%	3.75%	17.64%	27.75%	68.75%
Benchmark / 基准指标 / Penanda Aras	0.15%	0.47%	1.03%	2.52%	9.31%	16.37%	48.30%
Outperformance / 表现对比 / Perbezaan Prestasi	-0.61%	0.97%	4.04%	1.23%	8.33%	11.38%	20.45%

Source / 资料来源 / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 September 2020

For more information on benchmark kindly refer to / 有关基准的更多详情，请参考 / Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.maybank2u.com.my


PRUDENTIAL

Listening. Understanding. Delivering.

Where the Fund invests

基金投资所在

Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation

资产配置 / Peruntukan Aset

	% NAV
1 Corporate Bonds	65.92
2 Government	14.37
3 Quasi Government	11.20
4 Eastspring Investments - Asian High Yield Bond Fund Class D	6.22
5 Cash, Deposits & Others	2.29

PRULink Golden Bond Fund

Top 10 Holdings / 10大持股
10 Pegangan Teratas

	%
1 Government Investment Issues	2.98
2 Manjung Island Energy Berhad	2.58
3 YTL Power International Berhad	2.38
4 Sarawak Energy Berhad	2.34
5 Tenaga Nasional Berhad	2.27
6 Malaysia Government Securities*	2.23
7 GENM Capital Berhad	2.20
8 Alliance Bank Berhad	2.14
9 Malaysia Government Securities*	2.01
10 BGSM Management Sdn Bhd	1.91

* Different coupon rates & maturity dates for each.

All data is as of 30 September 2020 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2020年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2020 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

Monthly Update / 每月简报 / Peningkatan Bulanan

Market Review / 市场回顾 / Tinjauan Bulanan

Domestically, Bank Negara Malaysia ("BNM") maintained the overnight policy rate ("OPR") at 1.75% in its September Monetary Policy Committee ("MPC") meeting. The central bank expects improvement in economic activities to continue into 2021, although the pace of recovery will be uneven across sectors and the broad outlook is still weighed by downside risks and uncertainty, largely due to the risk of resurgence of the Covid-19 infections. With one remaining MPC meeting this year, BNM's monetary policy will likely continue to be data dependent as underlying economic risks remain fluid.

FTSE Russell, in its September's review, maintained Malaysia as a constituent of the World Government Bond Index ("WGBI") but it is retained on the watch list for a potential downgrade in Market Accessibility Levels. The next review is scheduled in March 2021. China, however, will be added to WGBI from October 2021 with an estimated weight of 5.5-6.0% with phased inclusion to take place over a 12-month period. A proportional dilution for existing WGBI constituents will likely result in Malaysia's weight declining marginally from 0.39% to 0.368%, translating to potential outflow of RM2 billion from Malaysian bond market.

The PM Muhyiddin announced a RM10 billion stimulus package Kita Prihatin in September, in addition to earlier 3 stimulus packages, raising the cumulative stimulus to RM305 billion. The new stimulus will involve RM7 billion in direct cash transfers, RM2.4 billion in wage subsidy and RM600 million in grants to micro traders. These stimulus packages are expected to increase fiscal deficit for 2020 to 6.5%-6.8% of GDP vs 3.2% of GDP deficit targeted early this year.

August 2020's headline inflation declined 1.4% YoY (July: -1.3%), mainly due to price deflation in Transport, -9.9% YoY (July: -10.3%) and Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, -3.0% YoY (July: -2.6%). Meanwhile, August 2020's core inflation was unchanged at 1.1% YoY.

Malaysia's sovereign bond yields closed mixed in September 2020 as 3-year, 5-year, 10-year and 15-year MGS yields moved +14bps, +11ps, +5bps and -6bps to close at 1.99%, 2.25%, 2.67% and 3.02% respectively. The yield rise in the shorter-end generally reflected the market response to BNM decision to keep OPR unchanged while the fall in the longer-end reflected buying for yield pick-up. Similarly, MGII yields closed mixed, as 3-year, 5-year, 10-year and 15-year GII yields closed +18bps, +16bps, -4bps and -3bps at 2.04%, 2.21%, 2.63% and 3.15% respectively.

国内，马来西亚国家银行（“BNM”）在其9月份的货币政策会议保持隔夜政策利率（“OPR”）不变在1.75%。尽管各领域的复苏步伐将表现不一，以及广泛前景仍受新冠病毒疫情反弹带来的下行风险和不确定性困扰；国行预计，经济活动将持续改善到2021年。随着今年还有最后一轮的货币政策会议，国行的货币政策或仍将取决于数据，因为潜在的经济风险仍然不稳定。

富时罗素（FTSE Russell）在其9月份的评估报告中继续将马来西亚列为世界政府债券指数（“WGBI”）的组成部分，但仍被列入观察名单中，并面临在市场通达性方面的潜在下调。下一次的评估预定于2021年3月份进行。另一方面，中国国债将从2021年10月份起被纳入WGBI，估计权重为5.5-6.0%，并将在12个月内分阶段纳入；按比例稀释现有WGBI成分股将导致马来西亚的权重从0.39%略微下降至0.368%，意味着从马来西亚债券市场流出的潜在资金将达20亿令吉。

首相慕尤丁于9月份宣布加码发放100亿令吉的“我们关怀”（Kita Prihatin）援助计划，加上早前的三项刺激计划，累积刺激经济配套总额增加至3050亿令吉。最新的援助计划包括70亿令吉的国家关怀援助金、24亿令吉的工资补贴计划以及6亿令吉的微型企业特别关怀奖掖。这些刺激计划预计将使2020年的财政赤字增加到占国内生产总值（GDP）的6.5%-6.8%，比较年初的目标赤字是占国内生产总值的3.2%。

2020年8月份总体通货膨胀按年下跌1.4%（7月份：-1.3%），主要是因为运输业价格通缩，为按年-9.9%（7月份：-10.3%）以及住房，水，电，天然气和其他燃料按年-3.0%（7月份：-2.6%）。与此同时，2020年8月份核心通货膨胀按年保持不变在1.1%。

2020年9月，马来西亚主权债券收益率涨跌互见。3年，5年，10年和15年大马政府债券收益率分别起落+14，+11，+5和-6个基点；以1.99%，2.25%，2.67%和3.02%挂收。短期债券收益率走高一般上反映了市场对国行决定维持隔夜政策利率不变的反应，长期债券收益率下降则反映购兴，以期待收益增长。类似地，大马政府投资票据收益率走势也是起落参半，3年，5年，10年和15年政府投资票据分别波动+18，+16，-4和-3个基点，报2.04%，2.21%，2.63%和3.15%。

Di dalam negara, Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan kadar dasar semalaman ("OPR") pada 1.75% semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") September. Bank pusat menjangkakan pembaikan aktiviti ekonomi akan berlanjutan sehingga tahun 2021, walaupun kadar pemulihan merentasi sektor akan tidak sekata dan prospek yang luas masih ditekan oleh risiko ke bawah dan ketidakpastian, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh risiko peningkatan jangkitan Covid-19. Dengan mesyuarat MPC yang masih berbaki satu lagi untuk tahun ini, dasar monetari BNM mungkin akan terus bergantung kepada data kerana risiko ekonomi yang mendasarinya tetap cair.

FTSE Russell dalam tinjauannya pada bulan September, mempertahankan Malaysia sebagai sebuah induk dalam Indeks Bon Kerajaan Dunia ("WGBI") tetapi tetap berada dalam senarai menunggu bagi kemungkinan penurunan taraf Tahap Kebolehsampaian Pasaran. Tinjauan seterusnya dijadualkan pada bulan Mac 2021. China bagaimanapun, akan ditambahkan dalam WGBI mulai Oktober 2021 dengan anggaran wajaran 5.5 hingga 6.0% serta penyertaan berfasa yang akan berlanjutan dalam jangka waktu 12 bulan. Pencairan berkadar untuk komponen WGBI sedia ada berkemungkinan akan mengakibatkan penurunan sedikit wajaran Malaysia dari 0.39% kepada 0.368%, diterjemahkan kepada potensi aliran keluar RM2 bilion dari pasaran bon Malaysia.

PM Muhyiddin mengumumkan pakej rangsangan "Kita Prihatin" bernilai RM10 bilion pada bulan September, sebagai tambahan kepada 3 pakej rangsangan sebelumnya, meningkatkan rangsangan kumulatif menjadi RM305 bilion. Rangsangan baru ini akan melibatkan pemindahan tunai secara langsung RM7 bilion, subsidi gaji RM2.4 bilion dan geran RM600 juta kepada peniaga mikro. Pakej rangsangan tersebut dijangka akan meningkatkan defisit fiskal untuk tahun 2020 kepada 6.5% hingga 6.8% dari KDNK, berbanding 3.2% dari defisit KDNK yang disasarkan pada awal tahun ini.

Inflasi utama Ogos 2020 susut 1.4% tahun ke tahun (YoY) (Julai: -1.3%), disebabkan terutamanya oleh deflasi harga Pengangkutan, -9.9% YoY (Julai: -10.3%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Bakar Lain, -3.0% YoY (Julai: -2.6%). Sementara itu, inflasi teras Ogos 2020 tidak berubah pada 1.1% YoY.

Hasil bon kerajaan Malaysia ditutup bercampur-campur pada September 2020 apabila hasil MGS 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing bergerak +14 mata asas, +11 mata asas, +5 mata asas dan -6 mata asas lalu ditutup pada 1.99%, 2.25%, 2.67% dan 3.02%. Peningkatan hasil pada jangka yang lebih pendek pada umumnya mencerminkan tindak balas pasaran terhadap keputusan BNM untuk mengekalkan OPR pada tahap sedia ada sementara kejatuhan pada jangka lebih panjang mencerminkan pembelian bagi peningkatan hasil. Begitu juga, hasil MGII ditutup bercampur-campur apabila hasil GII 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing ditutup +18bps, +16bps, -4bps dan -3bps pada 2.04%, 2.21%, 2.63% dan 3.15%.

Market Outlook / 市场展望 / Gambaran Bulanan

Resurgence of Covid-19 infections dominated the global headlines with the confirmed cases surpassing 35 million. The unabated infections have sent various

All data is as of 30 September 2020 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2020年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2020 melainkan jika dinyatakan

countries to either reimpose lockdowns or tightened social distancing requirements in order to control the virus spread, resulting in a potentially slower pace in economic recovery.

The US Federal Reserve ("Fed") held rates unchanged at 0-0.25% during its September Federal Open Market Committee ("FOMC") meeting. The FOMC statement remained dovish with an expectation to maintain an accommodative monetary policy until it achieves inflation averaging 2% over time and longer-term inflation expectations remain well anchored at 2%. The Fed's Dot plot shows that officials expect the rates to stay near zero until end of 2023. The US Treasury yield curve remained largely unchanged in September, 2-year UST stayed at 0.13% and 10-year UST fell 2bps to 0.68%. In the near term, we expect US Treasury yields to be driven by risk sentiment, especially over the concerns of the resurgence of Covid-19 pandemic, US election and US-China tensions.

Political uncertainty returned as opposition leader Anwar Ibrahim claimed on 24th September that he had enough support to unseat PM Muhyiddin and take over the government with a new coalition. On 26th September, the state of Sabah saw a change in government when the ruling federal coalition won in the state election. The ruling coalition's win seems to solidify PM Muhyiddin's position and the risk of a snap election has risen as a result. In the near-term, as domestic political uncertainty remains heightened, the economic recovery could suffer, and market sentiment may be dampened.

There are re-openings of 3-year, 5-year GII, and a new issue of 10-year MGS in October. While there is still ample liquidity in the system, we believe the outcome of the auctions will depend on the prevailing market sentiment. On the corporate bond front, we expect demand for corporate bonds to remain mixed, with a preference for higher quality names due to the ongoing economic challenges. While corporate issuances have picked up recently on the back of the low interest rate environment, total issuances in 2020 will likely be lower year-on-year as corporates assess their funding needs on the back of slower economic activities.

新冠病毒疫情反弹占据了全球头条新闻，确诊人数已超越3500万人。居高不下的病例迫使各国重新实施封锁措施或加强社交距离要求以控制病毒传播，从而导致经济复苏的步伐可能放缓。

美国联邦储备局在其9月份的联邦公开市场委员会（FOMC）会议决定保持利率不变在0-0.25%。该委员会的声明仍然温和，预计将维持宽松的货币政策，直到在一段时间内实现2%的平均通胀率，并且长期通胀预期舒适地保持在2%。美联储的点阵图显示，官员预计将维持接近零的利率水平直至2023年底。美国国债收益率曲线于9月份大致上保持不变，两年期美国国债维持在0.13%，以及10年期的下跌2个基点，报0.68%。短期内，尤其是在新冠病毒疫情反弹，美国大选以及中美紧张局势引发担忧的情况下，我们预计美国国债收益率将由风险情绪驱动。

反对党领袖安华依布拉欣于9月24日声称已掌握足够议席罢免首相慕尤丁并可成立新政府，重新掀起政治不确定性。9月26日，执政联盟在沙巴州选举中宣告胜利使州政权易手。执政联盟的胜利似乎巩固了首相慕尤丁的地位，结果也提高了闪电大选的风险。短期内，国内政治不稳定持续升温或打击经济复苏和市场情绪。

10月份将有3年，5年大马政府投资票据的增额发行，以及一项10年大马政府债券的全新发行。尽管系统中仍有充裕的流动性，我们认为招标的结果将取决于当前的市场情绪。企业债券方面，我们预料市场对企业债券的需求依然参差不齐；基于经济持续充满挑战，偏好的是高素质债券。企业发行量近期在利率低环境下有所回升之际，2020年的总发行量按年减少，因为企业在经济活动放缓下估量其融资需要。

Peningkatan jangkitan Covid-19 menguasai tajuk utama dunia dengan kes yang disahkan melebihi 35 juta. Jangkitan yang belum reda telah mendesak pelbagai negara untuk menerapkan semula sekatan pergerakan atau memperketat syarat penjarakan sosial bagi membendung penularan virus, yang mengakibatkan kadar pemulihan ekonomi mungkin menjadi lebih perlahan.

Rizab Persekutuan AS ("Fed") mengekalkan kadar pada 0 hingga 0.25% semasa mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan ("FOMC") di bulan September. Kenyataan FOMC kekal bernada lembut dengan jangkaan untuk mengekalkan dasar monetari yang akomodatif sehingga mencapai purata inflasi 2% dari semasa ke semasa serta jangkaan inflasi jangka lebih panjang kekal ditambah pada 2%.

Titik Plot Fed menunjukkan bahawa pegawai rasmi menjangkakan bahawa harga akan kekal mendekati sifar sehingga akhir tahun 2023. Keluk hasil Perbendaharaan AS (UST) sebahagian besarnya tidak berubah pada bulan September, UST 2 tahun kekal pada 0.13% dan UST 10 tahun jatuh 2 mata asas menjadi 0.68%. Dalam jangka masa terdekat, kami menjangkakan hasil Perbendaharaan AS akan dipacu oleh sentimen risiko, khususnya atas kebimbangan mengenai peningkatan wabak Covid-19, pilihan raya AS dan ketegangan AS-China.

Ketidakpastian politik muncul kembali apabila pemimpin pembangkang Anwar Ibrahim pada 24 September mendakwa bahawa beliau mempunyai sokongan yang cukup untuk menyingkirkan PM Muhyiddin dan mengambil alih pemerintahan dengan gabungan baharu.

Pada 26 September, negeri Sabah mengalami perubahan dalam kerajaan setelah gabungan pemerintah persekutuan memenangi pilihan raya negeri. Kemenangan gabungan pemerintah nampaknya mengukuhkan kedudukan PM Muhyiddin dan hasilnya, risiko pilihan raya kilat akan meningkat. Dalam jangka waktu terdekat, ketika ketidakpastian politik domestik terus meruncing, pemulihan ekonomi mungkin menderita, dan sentimen pasaran mungkin melemah.

Terdapat pembukaan semula GII 3 tahun, 5 tahun, dan terbitan baru MGS 10 tahun pada bulan Oktober. Walaupun masih terdapat kecairan yang lebih dari mencukup dalam sistem, kami yakin bahawa hasil lelongan akan bergantung pada sentimen pasaran semasa. Di bahagian bon korporat, kami menjangkakan bahawa permintaan kepada bon korporat akan tetap bercampur-campur, dengan keutamaan kepada saham yang berkualiti lebih tinggi berikutan cabaran ekonomi yang berterusan. Walaupun penerbitan korporat meningkat baru-baru ini susulan persekitaran kadar faedah yang rendah, jumlah penerbitan pada tahun 2020 berkemungkinan akan lebih rendah tahun ke tahun kerana sektor korporat menilai keperluan pendanaan masing-masing berikutan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan.

Fund Review & Strategy / 基金表现评论与投资策略 / Tinjauan dan Strategi Dana

The Fund returned -0.46% for the month, underperforming the benchmark return of 0.15% by 0.61%. Year-to-date, the Fund returned 3.98%, outperforming the benchmark return of 1.74% by 2.24%.

The underperformance was attributed to a rise in government bond yields, which was driven by BNM's decision to keep the OPR at 1.75% as well as the weak primary demand for government bond auctions. The main contributors to the underperformance were long-dated government and GG bonds.

After 4 consecutive rate cuts totaling 125 bps, BNM kept rates unchanged during its September MPC meeting. Nonetheless, the market is expected to remain volatile, albeit at a lesser degree. Domestic bond yields have climbed on concerns over the larger deficit. Nevertheless, yields are expected to be supported by expectations of weaker economic growth, lower inflation outlook, ample liquidity and accommodative global and accommodative domestic monetary policies.

We prefer more liquid high-quality bonds such as government bonds, GGs and AAAs to manage fund liquidity and credit risk. We are selective on lower rated credits as economic slowdown may put pressure on corporate's credit metrics and prefer sectors with inelastic demand over cyclical sectors until there is more clarity on the bottom of economic downturn. In terms of duration, we prefer long term bonds given the steepness of yield curve.

All data is as of 30 September 2020 unless otherwise stated

除非另有说明，否则以下皆属截至2020年9月30日的数据

Semua data seperti pada 30 September 2020 melainkan jika dinyatakan

Listening. Understanding. Delivering.

本基金月内的回酬是-0.46%，跑输基准0.61%，基准的是0.15%。年度至今，基金表现跑赢基准2.24%，回酬为3.98%，基准的是1.74%。

表现逊色归咎于政府债券收益率走高，这是由于国行决定保持隔夜政策利率不变在1.75%，以及政府债券招标的首要需求疲软所致。主要的拖累成员是长期政府和GG债券。

继连续四次降息共125个基点后，国家银行于9月份的议息会议上决定保持利率不变。尽管幅度减缓，市场料持续走势动荡。由于担心赤字增加，国内债券收益率攀升。无论如何，收益率料将受到经济增长疲弱，通胀前景看低，流动性充裕以及宽松的全球和国内货币政策支撑。

我们偏好更加流通的优质债券如政府债券，GGs和AAAs，以管理基金的流动性和信贷风险，并且由于经济放缓可能会对企业的信贷指标构成压力，因此我们将选择性投资低评级的信贷。在经济衰退的见底更加清晰之前，比较周期领域，我们更加偏好拥有非弹性需求的领域。就期限而言，我们看好长期债券，因为收益曲线变陡。

Dana menyampaikan pulangan -0.46% untuk bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 0.15% sebanyak 0.61%. Sejak awal tahun hingga kini, Dana memulangkan 3.98%, mengatasi pulangan penanda aras 1.74% sebanyak 2.24%.

Prestasi yang rendah disebabkan oleh kenaikan hasil bon kerajaan, yang dipacu oleh keputusan BNM untuk mengekalkan OPR pada 1.75% serta permintaan utama yang lemah ke atas lelongan bon kerajaan. Penyumbang utama prestasi rendah adalah bon kerajaan dan GG bertempoh panjang.

Selepas melaksanakan pengurangan kadar empat kali berturut-turut yang berjumlah 125 mata asas, BNM mengekalkan kadar sedia ada semasa mesyuarat MPC bulan September. Walaupun begitu, pasaran dijangkakan tetap tidak stabil, meskipun pada tahap yang lebih rendah. Hasil bon domestik meningkat disebabkan oleh kebimbangan mengenai defisit yang lebih besar. Namun demikian, hasil dijangka disokong oleh jangkaan pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah, prospek inflasi yang lebih rendah, kecairan yang lebih dari mencukupi serta dasar monetari domestik dan global yang akomodatif.

Kami lebih mengutamakan bon berkualiti tinggi yang lebih cair seperti bon kerajaan, GG dan AAA bagi menguruskan kecairan Dana dan risiko kredit. Kami bersikap selektif terhadap kredit bertaraf lebih rendah susulan kelembapan ekonomi boleh memberi tekanan pada metrik kredit korporat dan lebih cenderung kepada sektor dengan permintaan yang tidak elastik berbanding sektor kitaran, sehingga terdapat lebih kejelasan tentang dasaran kemerosotan ekonomi. Dari segi jangka masa, kami lebih mengutamakan bon jangka panjang memandangkan keluk hasilnya yang curam.

Source / 资料来源 / Sumber: Fund Commentary, September 2020, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

All data is as of last valuation date of the month.

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. Prudential Investment-linked products are not Shariah-compliant products. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of any discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail. In case of discrepancy between the English, Bahasa Malaysia and Mandarin versions of this fact sheet, the English version shall prevail. The fund fact sheet of the Target Fund will be available at www.eastspring.com.sg.

任何投资皆涉及投资风险，包括本金的损失。单位的价值可能会扬升也会走低。基金和基金经理过往的表现不可视为未来表现的指标。上述所示的回酬并不反映您投资的真实回酬(后者取决于您的保费分配率与费用)。您所投资的保费的真实回酬将根据有关投资联结基金的表现而定。保诚投资联结保险产品系列并非符合回教法典的产品。您保费投资的真实回酬可能会低于上述回酬。本册子只供说明之用。欲进一步了解条规与细则，请参考保单文件。如何投资于这些基金的资料则载于产品册子，如果本说明书的资料与保单文件有所出入，将以保单文件者为准。若说明书的英文、马来文和中文版有差异则以英文版为准。有关目标基金的基金说明书，请浏览 www.eastspring.com.sg。

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Produk berkaitan pelaburan Prudential bukan merupakan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad. Jika terdapat perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina bagi helaian fakta ini, versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad. Lembaran Fakta Dana untuk Dana Sasaran akan tersedia di www.eastspring.com.sg.